Bil. 11 **Selasa** **5 Oktober 2021**

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Masalah Calon Peperiksaan SPM 2021 Menghadapi Kertas Ujian Lisan dan Mendengar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Serta Kertas Amali *Chemistry Physics* dan *Biology***
  - *YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)* (Halaman 3)

- **Pelan JENDELA Hulu Selangor**
  - *YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)* (Halaman 6)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- **Masalah Kebakaran di Stor Perubatan dan Farmasi Klinik di Jalan Masjid**
  - *YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)* (Halaman 11)

Diterbitkan Oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2021

MALAYSIA

KAMAR KHAS

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 5 Oktober 2021

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)

mempengerusikan Mesyuarat]

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Masalah Calon Peperiksaan SPM 2021 Menghadapi Kertas Ujian Lisan dan Mendengar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta Kertas Amali *Chemistry*, *Physics* dan *Biology*

2.35 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun,

Bangun pagi langsung ke sawah,
Di jalan berjumpa Pak Samad,
Pendidikan bukan cuma cari ijazah,
Tapi cari ilmu yang bermanfaat.

Selingan daripada pantun tersebut merupakan tajuk utama saya pada hari ini. Pelbagai rintihan serta luahan ibu bapa berkaitan pendidikan anak-anak mereka terutamanya calon-calon SPM 2021, acap kali terdengar. Antara yang merisaukan adalah berkaitan kertas lisan, mendengar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta kertas amali *Chemistry*, *Physics* dan *Biology* untuk calon SPM 2021.

Gerak kerja serta pelaksanaan yang merumitkan di kala pandemik memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar-pelajar yang memikirkan ujian yang perlu dilaksanakan tanpa persediaan amali. Kumpulan calon ini hanya dapat bersekolah secara bersemuka lebih kurang tiga bulan sahaja ketika tingkatan empat pada tahun 2020 dan tahun ini tingkatan lima, hanya berpeluang bersekolah bersemuka satu bulan sahaja dan sekarang sudah memasuki bulan Oktober.

Dengan kata lain, calon SPM 2021 tidak pernah didedahkan pengetahuan dan pengalaman pengendalian ujian amali *Chemistry*, *Physics* dan *Biology* di makmal sains serta tiada langsung pengalaman latihan ujian lisan dan mendengar secara bersemuka. Mereka juga tidak menduduki peperiksaan dalaman sekolah secara rasminya. Justeru, adalah sangat tidak adil dan mencabar untuk memaksa kumpulan calon SPM tersebut menduduki ujian amali dan ujian lisan dan mendengar di peringkat peperiksaan.

Seperti yang sedia maklum, ujian tanpa persediaan umpama pergi berperang tanpa senjata. Keadaan ini memberikan tekanan bukan sahaja kepada ibu bapa malahan lebih ketara pada pelajar itu sendiri. Kumpulan pelajar tersebut langsung belum pernah melakukan latihan amali sains secara berkala dan tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk mengendalikan amali sains dengan efektif.

Tambahan lagi, tiada peperiksaan dalaman sekolah yang secara formal untuk menguji pemahaman pelajar. Mohon pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil tindakan yang terbaik serta meneliti kembali untuk mengatasi masalah bagi calon SPM 2021 bagaimana untuk menjalani ujian lisan serta amali ini tanpa persediaan yang mencukupi secara asasnya. Itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Taiping, soalan yang sangat baik menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat Taiping kepada calon-calon yang bakal menduduki peperiksaan SPM.

Untuk soalan itu, saya ingin memberikan pantun kepada Yang Berhormat,

Daun selasih, daun kayu,
Terima kasih, thank you.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan. Justeru, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi persekolahan ini membolehkan pentadbir sekolah dan guru merancang serta melaksanakan intervensi, pengukuhan dan pengayaan secara intensif, termasuklah kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021. Pelanjutan ini juga akan memberi peluang kepada calon SPM 2021 untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan.

Peperiksaan SPM kendalian Lembaga Peperiksaan (LP) bagi tahun 2021 akan dilaksanakan menggunakan Format Instrumen Peperiksaan SPM mulai Tahun 2021 bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Berdasarkan format ini, ujian lisan dan ujian

mendengar adalah antara komponen instrumen mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manakala, ujian amali sains adalah komponen instrumen mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan. Ujian ini adalah untuk mengukur kemahiran yang perlu dikuasai oleh calon seperti yang terkandung dalam kurikulum tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi calon SPM 2021, mereka telah mengikuti kurikulum mata pelajaran sains KSSM, termasuk melaksanakan amali sains sejak di Tingkatan 4 lagi. Bagi memastikan calon peperiksaan SPM 2021 bersedia sepenuhnya sebelum menduduki peperiksaan, calon diberi keutamaan mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka mulai 3 Oktober 2021. Di samping itu, pentadbir sekolah dan guru akan memastikan calon mendapat latihan *hands-on* yang secukupnya melalui pelaksanaan amali sains sepanjang tempoh sesi persekolahan secara bersemuka. Ini adalah sebagai persediaan calon untuk menduduki ujian amali tersebut.

KPM amat memahami kebimbangan calon, ibu bapa dan masyarakat tentang persediaan untuk menduduki ujian lisan, ujian mendengar dan ujian amali sains SPM 2021. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil kira kesediaan calon dengan memberikan tempoh pembelajaran yang mencukupi, termasuk menetapkan pelaksanaan ujian lisan, ujian mendengar dan ujian amali sains SPM 2021 pada bulan Februari tahun 2022.

Hebahan tentang format instrumen peperiksaan SPM 2021 telah dipanjangkan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) melalui Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 4 Tahun 2020; Format Instrumen Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA) mulai tahun 2021 bagi Mata Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bertarikh 17 Mac 2020 untuk disebarluaskan kepada pihak sekolah di seluruh negara.

Surat siaran ini juga telah dimuat naik di portal Lembaga Peperiksaan pada 20 Mac 2020. KPM juga telah menyediakan satu pelan komunikasi yang komprehensif untuk memberi pendedahan dan kefahaman yang lebih jelas kepada calon, guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan masyarakat tentang pelaksanaan ujian lisan, ujian mendengar dan ujian amali Sains SPM 2021.

Sebagai langkah untuk terus membantu calon peperiksaan SPM 2021 membuat persediaan yang lebih baik, KPM menyediakan siaran TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Rancangan *Road to Success* dan Sukses SPM 2021 dapat membantu calon menguasai kandungan kurikulum serta memberi pendedahan kepada mereka tentang pelaksanaan ujian lisan dan ujian amali sains.

Tuan Yang di-Pertua, KPM juga menyediakan empat slot siaran simulasi ujian amali sains melibatkan mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan serta dua slot untuk ujian lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris melalui rancangan Sukses SPM 2021

di saluran DidikTV KPM. Rancangan ini akan disiarkan mulai minggu keempat bulan Oktober 2021. Simulasi ini bertujuan memberi kefahaman dan gambaran yang lebih jelas kepada calon dan guru tentang prosedur dan kaedah ujian lisan dan ujian amali sains dikendalikan.

KPM turut menambah lebih banyak bahan PdP melalui pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Bahan yang berfokus kepada persediaan calon menghadapi peperiksaan SPM 2021 akan terus ditingkatkan terutama penerangan mengenai format pentaksiran peperiksaan, ujian lisan dan ujian amali sains.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2019, calon SPM 2021 ini pernah menduduki Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Maknanya, sudah pernah mereka mendapat pengalaman sewaktu mereka menduduki PT3 pun – Ujian Lisan, Ujian Mendengar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pendedahan dan pengalaman tersebut boleh dijadikan sebagai panduan oleh calon sebagai persediaan untuk menduduki Ujian Lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM 2021 nanti.

Bagi ujian amali sains pula, sejak tahun 2017, calon telah mendapat pendedahan dan melaksanakan amali sains secara *hands-on* berdasarkan senarai amali wajib yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) apabila Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenal mulai Tingkatan 1.

Pendedahan dan pengalaman tersebut boleh dijadikan sebagai panduan untuk calon bersedia dengan kemahiran proses sains bagi menduduki ujian amali sains di peringkat SPM. Pentadbir sekolah dan guru juga sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan calon menguasai kandungan kurikulum dan membuat latihan yang mencukupi sebagai persediaan rapi sebelum calon menduduki ujian lisan, ujian mendengar, ujian amali sains dan peperiksaan bertulis SPM 2021.

Tuan Yang Di-Pertua, KPM yakin bahawa usaha-usaha ini memberi ruang dan peluang kepada calon peperiksaan SPM 2021 untuk membuat persiapan rapi sebelum menduduki peperiksaan dan seterusnya memperoleh keputusan terbaik mengikut kemampuan masing-masing, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Pelan JENDELA Hulu Selangor

2.47 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daerah Hulu Selangor terletak di utara Lembah Klang dengan keluasan 174 ribu hektar iaitu hampir sama keluasannya dengan negeri Melaka. Daerah ini merupakan daerah terbesar,

daripada sembilan buah daerah di negeri Selangor. Ia meliputi satu kawasan Parlimen Hulu Selangor dan tiga kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Batang Kali, Kuala Kubu Bharu dan Hulu Bernam.

Kepadatan penduduk di Hulu Selangor kini telah mencecah 300,000 orang penduduk. Ini disebabkan faktor kedudukan strategik daerah yang berdekatan dengan pusat bandar serta kos sara hidup yang rendah menjadikan Hulu Selangor pilihan ramai untuk mendiami daerah ini.

Hulu Selangor sering menerima aduan dan rungutan rakyat terutamanya di kawasan Kuala Kubu Bharu, Hulu Bernam, Batang Kali, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Kawasan-kawasan ini didapati kurang mendapat liputan jalur lebar sedangkan permintaan terhadap fasiliti tersebut adalah amat tinggi. Jumlah aduan di kawasan Hulu Bernam juga semakin meningkat kerana liputan talian telekomunikasi juga amat teruk di kawasan ini.

Rungutan juga disuarakan oleh perusahaan industri dan syarikat-syarikat swasta yang bertapak di Hulu Selangor. Ini sedikit sebanyak mengakibatkan kerugian kepada pengusaha-pengusaha ini kerana banyak urusan tergendala akibat infrastruktur internet dan talian telefon yang lemah. Ini juga memberi impak buruk kepada bakal-bakal pelabur kerana kelemahan capaian internet yang begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor juga ambil maklum bahawa pihak kerajaan dalam usaha untuk menaik taraf infrastruktur ini secara menyeluruh di bawah pelan JENDELA. Oleh itu, Hulu Selangor ini bertanya apakah impak pelan ini bagi daerah ini. Mohon perincian adakah sebarang menara pencawang tambahan yang akan dibina dan yang akan dinaikkan taraf. Adakah pelan ini dapat menyelesaikan isu dengan izin *blind spot* di daerah ini kerana terdapat banyak kawasan yang berbukit yang mungkin menghalang capaian internet di pedalaman.

Hulu Selangor mencadangkan agar pihak kementerian dapat membantu mengutamakan naik taraf infrastruktur telekomunikasi dan internet di daerah ini bagi membantu masyarakat luar bandar untuk kekal berhubung dan mempunyai infrastruktur telekomunikasi dan internet yang lebih baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.50 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Jadi, sebelum saya teruskan, saya pun hendak bagi pantun jugalah.

Daun selasih, daun kayu,
Terima kasih, I love you.
[Ketawa]

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum berkenaan dengan rungutan yang disuarakan oleh penduduk, pengusaha industri dan syarikat-syarikat swasta yang bertapak di Hulu Selangor. Untuk makluman, terdapat beberapa aduan pernah diterima oleh pihak MCMC dan siasatan telah dijalankan di kawasan-kawasan yang dikemukakan. Setakat ini, aduan yang diterima di beberapa kawasan seperti di Bukit Sentosa, Taman Kampung Tradisi, Sungai Choh dan Taman Desa Hulu Yam, Batang Kali telah diselesaikan.

Pada masa yang sama, kerajaan melalui MCMC telah membuat perancangan dan kini sedang melaksanakan pelan pembangunan infrastruktur komunikasi yang dinamakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang bertujuan untuk meluaskan liputan dan menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat daripada aspek sosioekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan. Pelaksanaan pelan JENDELA fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur jalur lebar mudah alih.

Ini termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaik taraf sistem pemancar 2G dan 3G sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Sehingga suku kedua 2021, JENDELA telah berjaya mencapai penambahan sebanyak 1.1 juta premis daripada 4.95 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.05 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik.

Inisiatif JENDELA telah meningkatkan liputan 4G bagi kawasan berpenduduk di Parlimen Hulu Selangor kepada 96.66 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Selangor, peratusan yang saya bagi ini adalah kita terima daripada *service provider* iaitu telco dan juga daripada MCMC. Walau bagaimanapun, saya hendak terangkan di sini bahawa apabila saya sebut tentang 96 peratus dan 94 peratus liputan, maka dalam pelbagai pihak telah komen melalui *WhatsApp*, *Facebook*, sebenarnya bahawa ia tidak sampai 96 peratus.

Akan tetapi, ia akan dikaji sebab banyak tempat *blind spot* dan sebagainya. Untuk makluman, kita lihat bahawa sesetengah tempat yang kita ada *tower* kadang-kadang tidak ada elektrik. *So*, tidak ada liputan. Kadang-kadang, kawasan terlindung dan sebagainya. Ini menyebabkan bahawa kompelin daripada penduduk bahawa tidak sampai 94 peratus atau 96 peratus, mungkin 70 peratus. Ini kami akan kira dan buat kajian balik.

Setakat suku kedua 2021 berbanding sebelum pelaksanaan JENDELA iaitu 88.89 peratus. Sebagaimana yang saya katakan tadi, peratus ini masih boleh dipertikaikan. Pada suku kedua 2020 – Selain itu, jumlah premis yang mendapat capaian gentian optik juga telah meningkat daripada 4,120 premis pada suku kedua 2020 kepada 25,007 premis pada bulan Ogos 2021.

Perancangan dan pencapaian JENDELA untuk Parlimen Hulu Selangor setakat Ogos 2021 seperti berikut; Parlimen Hulu Selangor perancangan menara baharu; 27, yang kita siap hanya 11. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Selangor, menara ini dia perlu mendapat macam-macam kelulusan. Kadang-kadang, pejabat tanah lambat, kadang-kadang kelulusan tanah untuk Exco bermesyuarat lambat. Kadang-kadang tanah Orang Asli kita tidak dapat buat. Jadi, Orang Asli tidak bagi, Tok Batin tidak setuju. Selepas itu, kadang-kadang tanah peribadi, persendirian, dia tidak bagi. Kita nak lalu tidak boleh. Ia tidak macam menara tenaga elektrik dan menara Telekom.

Ini kerana, perincian awal-awal itu kita sudah buat undang-undanglah. Maknanya, kalau hendak buat masuk elektrik, kita boleh pindahkan orang. Akan tetapi, untuk gentian optik dan untuk menara ini, maka ia lambat daripada segi undang-undang. Jadi, ia lambatlah. Oleh sebab itu, kita tengok ini – perancangan di Hulu Selangor 27, baru siap 11. Kita hendak tunggu kelulusan dan sebagainya. DUN Batang Kali 11 baru lulus, siap lapan. DUN Hulu Bernam, sembilan lulus, satu pun tak siap lagi nak dapat menara baharu.

DUN Kuala Kubu Bharu, tujuh lulus, siap tiga. Lain – stesen pemancar. Stesen pemancar ini baik sikit, sebab 278, yang siap 261. Perancangan bagi DUN Batang 171, siap 168. DUN Hulu Bernam, perancangan 44, siap 35. DUN Kuala Kubu Bharu, perancangan 63, siap 58. Ini lebih baik sikit. Bagi gentian optik – gentian optik ini senang sebab kita tanam. Jadi, kita tanam ini bermakna – perancangan 17,271 tetapi siap 20,887. Perancangan di DUN Batang Kali, 10,797, siap 14,883. Ia lebih baik daripada perancangan kita. DUN Hulu Bernam kita rancangan 4,189 yang siap 2,588. DUN Kuala Kubu Bharu, 2,288 yang siap 3,416. Ia lebih baik sikit.

Begitu juga kawasan berbukit, kita ada merancang untuk membuat satelit. Akan tetapi, satelit mahal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Selangor, satelit ini mahal sikit sebab kita hendak caj orang mahal. Jadi, bila caj orang mahal jadi maknanya tidak ada yang siap lagi, kerajaan masih merancanglah.

Jadi, sebab itulah kalau boleh dulu ini kita di peringkat MCMC, kita merancang bagaimana hendak caj lebih sikit untuk perancangan satelit. Ataupun kita caj orang-orang yang– contoh, bagi pihak yang berniaga *Shopee*, *Lazada* yang tidak bayar berapa ini, kita bagi caj bagaimana kita hendak *cover* balik untuk satelit kegunaan rakyat. Jadi, kita tengah rancang takut orang marah, jadi kita masih dalam kajian lagi.

Selain pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, pihak kerajaan turut akan melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *point of preference* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluas ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak. Keseluruhan jumlah PoP di kawasan luar bandar di negeri Selangor adalah sebanyak 224 dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 54 adalah di Parlimen Hulu Selangor.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, gentian optik ini kita senang sikit tanam sebab kelulusannya tidak susah sangat. Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaik taraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan rakyat sentiasa diutamakan.

Dengan penambahbaikan liputan, fokus kini kepada kualiti perkhidmatan, menerusi portal JENDELA Map (https://jendela.my/) yang telah dilancarkan pada Julai lepas. Maklumat yang diperoleh daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak (*crowdsourcing*), dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa. Oleh itu, para pengguna disarankan untuk melayari portal JENDELA Map (https://jendela.my/) bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan dalam perancangan masa hadapan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Selangor, kita sekarang ini di setiap negeri, kita sudah buka pejabat MCMC. Ini supaya *complaint* senang disalur dan senang kita bertindak. Kerjasama serta komitmen kerajaan negeri dan semua pihak penting bagi memastikan semua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahkan cara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan aspirasi nasional dapat dicapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Ahli Yang Berhormat dengan itu tamat sesi ucapan di bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan Peraturan 17 pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

Kebakaran di Stor Perubatan dan Farmasi Klinik di Jalan Masjid

2.59 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersyukur dan berterima kasih kerana meluluskan usul saya dan memberikan peluang untuk saya berbahas kerana ini satu isu yang sudah lama, kronik dan memang membimbangkan dan haruslah diteliti secara segera sebelum satu lagi kejadian yang tidak diingini berlaku lagi. Sebenarnya, tadi Tuan Yang di-Pertua telah memberikan masa 30 minit jadi jika boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Overall* nanti– ada termasuk sekali.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jika boleh, saya akan berkongsi masa dengan Yang Berhormat Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *No problem.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan Persekutuan dapat memperuntukkan RM38.5 juta untuk kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf sistem *wiring* elektrik di Seri Perdana, di mana sekarang tiada seorang pun tinggal di sana, kenapa kerajaan tidak dapat memberikan prioriti terhadap kerja-kerja penambahbaikan sistem elektrik di semua hospital, klinik-klinik kerajaan terutamanya pada zaman ini di mana hospital sangat sesak dengan pesakit dan staf disebabkan pandemik COVID-19 ini?

Bayangkan bagaimana peruntukan tersebut dapat digunakan secara lebih baik, secara lebih spesifik untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua pesakit dan staf di premis tersebut. Mereka tidak diletakkan dalam satu perangkap kematian atau dengan izin, *a flammable death trap* di seluruh Malaysia.

Sebenarnya pada hari Ahad yang lalu, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, ada satu kebakaran berlaku di stor farmasi di Klinik Kesihatan Jalan Masjid di kawasan saya. Hampir 80 peratus daripada ubat-ubat, vaksin COVID-19, alkohol dan sebagainya telah dimusnahkan. Hampir 40 peratus dari premis fizikal telah dimusnahkan, tetapi bagi saya kita tidak haruslah melihat isu ini sebagai satu *isolated case,* dengan izin. Ini kerana, memang ada banyak kes kebakaran yang berlaku fasiliti atau premis Kementerian Kesihatan di seluruh negara, termasuk apa yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru yang menyebabkan kematian sebanyak enam nyawa.

Bagi saya, apa yang membimbangkan adalah – kita diberitahu bahawa ada hospital-hospital besar di seluruh negara yang sampai sekarang belum mendapat sijil perakuan bomba. Ini termasuk *Sarawak General Hospital* di kawasan saya, Pusat Jantung *Sarawak General Hospital* di Sarawak juga dan Hospital Sultanah Aminah di Johor. Bagi saya ini tidak lagi – Kita belum lagi lihat klinik-klinik kesihatan kerajaan yang mungkin juga tiada sijil perakuan bomba tersebut.

Sebenarnya ada satu laporan khas atau *independent inquiry report,* dengan izin, berkenaan dengan kebakaran Hospital Sultanah Aminah di Johor yang ada dan jelas menunjukkan bahawa hospital tersebut pertama, tidak ada sijil perakuan bomba tersebut. Kedua, malah menyatakan bahawa salah satu punca atau *underlying cause,* dengan izin, yang mengakibatkan kematian dan kecederaan pada pesakit dan juga staf terutamanya di ICU Selatan hospital tersebut adalah disebabkan ketidaksediaan pihak staf dan juga pengurusan hospital untuk menghadapi bencana kebakaran seperti ini.

Inquiry tersebut telah juga menunjukkan bahawa staf di ICU Selatan tersebut tidak melalui *training* atau *fire drills for emergency evacuation* walaupun ada beberapa kejadian di tempat tersebut pada tahun 2008, 2010, Mei dan Oktober, tahun 2014, 2016 sebelum kebakaran besar pada 25 Oktober yang mengakibatkan kematian yang saya katakan tadi. Akan tetapi, malangnya laporan ini tidak didedahkan kepada orang ramai dan sampai sekarang setahu saya tiada sesiapa yang telah memikul tanggungjawab atas *action or inaction,* dengan izin, yang mengakibatkan bencana ini.

Jadi bagi saya – sekarang saya meminta, saya seru agar Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang baharu, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar, sebagai salah satu KPI 100 hari untuk mendedahkan laporan *independent inquiry* ini dan juga membuat satu audit yang *extensive* di semua premis-premis kesihatan di bawah seliaan Kementerian Kesihatan, hospital-hospital, klinik-klinik dan semua premis untuk memastikan mereka mematuhi semua piawaian keselamatan yang sedia ada.

Bagi saya ini satu perkara yang penting kerana 25 Oktober ini adalah ulang tahun, *anniversary* kelima kebakaran hospital tersebut dan bagi sini, ini satu peluang di mana kita tahu *transparency,* ketelusan adalah sangat penting untuk memastikan keselamatan pesakit – melihat bagaimana kita dapat menambah baik atau *improve,* menambahkan akauntabiliti dan juga menambahkan keyakinan orang ramai yang perlu menggunakan fasiliti tersebut.

Pesakit-pesakit kita, staf-staf kita, apabila mereka masuk ke hospital mereka memberikan kepercayaan yang penuh kepada kita untuk memastikan mereka selamat. Mereka tidak pergi hospital untuk satu upacara pembakaran mayat. *[Ketawa] People entrust their lives on admission, they do not go in for free cremation,* dengan izin. *So,* kita haruslah belajar daripada laporan tersebut. Kita tidak haruslah *sweep that report under the carpet,*

dengan izin untuk mempelajari apa yang perlu supaya mengelakkan kejadian ini daripada berlaku lagi. Bagi saya, kerajaan juga haruslah melihat bagaimana kita hendak memberikan pampasan yang sewajarnya kepada enam keluarga tersebut yang mati dalam kejadian kebakaran tersebut dan juga memastikan mereka yang terlibat haruslah dipertanggungjawabkan untuk memastikan akauntabiliti kepada mangsa dan keluarga.

Selain itu, saya harap kementerian dapat memberikan satu komitmen yang secepat mungkin untuk tiga perkara; Nombor satu, apakah komitmen ataupun langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu Klinik Kesihatan Jalan Masjid yang saya katakan pada mulanya. Mereka perlukan satu kontena yang ada *air-conditioner* untuk digunakan sebagai satu *medical storage*-lah, stor perubatan sementara. Bagi saya ini haruslah dilakukan dalam masa dua minggu ini supaya klinik kesihatan itu dapat *function* seperti biasa untuk kebaikan semua rakyat dan juga kebaikan pesakit-pesakit di sana.

Kedua, kerajaan haruslah mendedahkan secara telus berapa premis-premis kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan yang diselia, dipertanggungjawabkan, yang mana tidak ada sijil perakuan bomba. Mungkin ada yang tidak ada, dengan izin, *certificate of completion and compliance* (CCC). Jika boleh, dedahkan. Ini bukan untuk mencari salah tetapi untuk memastikan langkah-langkah yang perlu diambil. Ketiga, apakah langkah kerajaan untuk memastikan keselamatan api di semua hospital dan klinik di Malaysia – langkah tersebut.

Jadi secara rumusannya, saya harap kerajaan akan tidak memandang rendah isu ini. Kita tahu sekarang COVID-19, hospital, klinik semua sesak. Jika ada satu kejadian berlaku memang teruklah. Memang kesannya akan sangat teruk. Saya harap kerajaan akan ada satu polisi di setiap peringkat untuk memastikan premis mereka, aset mereka, semua bangunan mereka diperiksa secara *regularly* dan untuk memastikan mereka mematuhi segala piawaian keselamatan dan ada sijil-sijil yang diperlukan. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru untuk bersama membahaskan usul ini. Sila, Yang Berhormat Johor Bahru.

3.08 ptg.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Baik, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terutamanya kerana membenarkan, mengizinkan usul Yang Berhormat Bandar Kuching ini dibahaskan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang mana Yang Berhormat Bandar Kuching tadi telah menyatakan kejadian kebakaran ini masih berlaku. Malangnya, berlaku di kawasan beliau tetapi ada hikmahnya beliau akan terus memperjuangkan isu ini. Cuma bila disebut tadi, menjelang 25 Oktober ini, bermaksud sudah

lima tahun kejadian kebakaran di Hospital Sultanah Aminah yang kita tahu telah meragut nyawa seramai enam orang mangsa dan kejadian itu merupakan satu detik hitam.

Saya ingat bila kekecohan berlaku– tetapi juga kepada mangsa-mangsa meratapi mereka yang telah pergi, orang yang tersayang itu, sangat terkesan. Cuma pada masa yang sama, kejadian tersebut juga mungkin sepatutnya membuka mata kita semua bahawa ada keperluan untuk menilai kembali kemampuan infrastruktur bangunan fasiliti kerajaan dan terutamanya yang memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Jadi, hari ini saya hendak menambah apa yang Yang Berhormat Bandar Kuching sebutkan tadi tiga perkara. Pertama, memang khusus sepertimana yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah. Kita tahu bahawa laporan jawatankuasa bebas itu telah dibuat dan telah siap malah telah *declassified*. Sebelum ini diletakkan di bawah OSA telah ditukar. Cuma laporan ini sampai sekarang tidak didedahkan. Saya percaya pihak Menteri akan mengguna pakai alasan bahawa perkara ini telah dibawa ke mahkamah kerana keluarga-keluarga mangsa yang tidak terbela tadi telah menyaman pihak-pihak yang berkenaan.

Cuma dalam isu pampasan Tuan Yang di-Pertua, bila saya teliti balik bahawa ketika kejadian kerajaan ada bagi pampasan tetapi pampasan itu sangat tidak setimpal. Apa yang diberikan, dikhabarkan dan disebutkan yang meninggal dunia dapat RM2,000, yang cedera parah dapat RM5,000 dan yang cedera dapat RM3,000. Bagi saya kalau kita hendak menganggap laporan ini tidak dapat didedahkan, tidak dapat dibentangkan kerana kes mahkamah. Kes mahkamah ini dibawa keluarga-keluarga yang tidak terbela. Bagi saya, kesilapan itu berlaku kerana keluarga-keluarga ini tidak dibela.

Kalau kerajaan benar-benar bersungguh-sungguh, isu pampasan ini boleh diselesaikan tanpa mengguna alasan tindakan mahkamah. Sementara yang bertanggungjawab itu perlu dibawa ke muka pengadilan, keluarga-keluarga tersebut juga memerlukan keadilan. Jadi, yang ini – seperti desakan Yang Berhormat Bandar Kuching saya juga ingin mendesak kepada kerajaan ambil peluang KPI 100 hari Keluarga Malaysia dan sebagainya. Kalau betul Keluarga Malaysia dedahkan laporan ini supaya ada penambahbaikan. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, kalau kita tengok kerangka yang besar yang disebut tadi kejadian di ICU Selatan ini bukan yang pertama. Itu yang keempat dan yang keempat itu bawa kematian. Maka, apabila perkara ini telah menjadi perbincangan di peringkat nasional, tahun 2017 dalam Parlimen yang mulia ini ketika itu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan bahawa terdapat audit mengenai keselamatan yang diusahakan oleh kementerian sendiri dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk audit di hospital-hospital yang berusia lebih daripada 50 tahun. Apa yang disebut ada 46 Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, apa hasilnya?

Tahun 2017 kata ada audit. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri apakah tindakan lanjut yang telah kita ambil dalam laporan tersebut? Adakah hanya sekadar laporan? Adakah berlakunya penambahbaikan? Ini kerana, sementara saya sebut di awal tadi soal kebajikan, keadilan kepada mangsa-mangsa, bagi saya juga kepada *frontliners* kita kena berlaku adil.

Dalam keadaan *frontliners* kesihatan inilah yang sebenarnya memperjuangkan nasib kita dalam isu COVID-19 sebagai contoh, mereka juga berdepan risiko sama malah lebih teruk dalam isu keselamatan soal kebakaran. Ini kerana risiko– sebagai contoh kalau kita tengok *frontliners* kesihatan ini risiko yang mereka hadapi pelbagai. Contohnya kalau dilihat mereka juga kalau berlakunya kesilapan dalam merawat pesakit mereka juga dipersalahkan.

Dalam kes ini Yang Berhormat Bandar Kuching dedahkan tadi mereka tidak dapat latihan sempurna dalam soal menyelamat ketika berlakunya kejadian kebakaran. Jadi, dalam keadaan sekarang ini risiko yang dihadapi oleh *frontliners* mungkin tidak diendahkan dengan baik. Ini kerana, bagi saya dalam isu ini sikap peringkat kementerian itu kita perlu teliti semula. Bukan hendak mempersalahkan tetapi keutamaan itu di mana? Itu yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, dalam isu infrastruktur kita tahu bahawa perkara ini mungkin melibatkan pelbagai jabatan ataupun agensi. Sebagai contoh kita tahu dalam segi infrastruktur, kerajaan ini banyak bebannya diletakkan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR). Kita tahu juga soal keselamatan, sijil pentauliahan dan sebagainya diletakkan di bawah bomba yang mana terbabitnya KPKT. Jadi, *different agencies* yang sebenarnya ada peranan.

Cuma malangnya mungkin KKM terpaksa tanggung beban itu. Hendak salahkan mereka, mereka mewarisi bangunan-bangunan yang berusia 50 tahun, bukan sikit 46 tahun. Hospital Sultanah Aminah – siapa yang pernah ke sana tahu bahawa keadaan itu sangat uzur. Cuma hendak buat baharu pun saya tidak tahu hendak buat macam mana tetapi dalam keadaan sekarang *maintainance* itu apa tindakan kita?

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menguruskan tadi apabila melibatkan pelbagai agensi soal akauntabiliti itu agak samar ataupun kabur. Apabila berlaku kebakaran salah siapa? Apabila berlaku musibah salah siapa? Apabila meletup kejadian di Kuching – barang-barang perubatan itu hangus, habis 80 peratus, siapa hendak bertanggungjawab?

Jadi, dalam isu kebertanggungjawaban itu, saya mohon pihak kementerian untuk teliti untuk memastikan siapa yang patut bertanggungjawab pegang. Sebagai contoh yang saya mungkin tidak ada maklumat tetapi kalau Kementerian Kesihatan ini lebih telus, lebih bersungguh-sungguh ataupun mempunyai sikap untuk sebenarnya berlaku dengan lebih *accountable*, siapa sebenarnya yang merupakan kontraktor-kontraktor yang menjaga

sepatutnya diamanahkan untuk jaga *maintenance*? Siapa tidak kisah bukan hanya soal elektrik, soal kebersihan pun siapa yang pegang kontrak-kontrak di hospital?

Jadi dalam keadaan sekarang ini, perkara yang sangat merumitkan pembuat dasar iaitu Ahli-ahli Parlimen ini kita macam berhadapan dengan satu *black box*, tidak boleh hendak masuk. Perkara ini kalau dibangkitkan pihak kementerian mungkin bersifat defensif. Walhal bukan salah kementerian tetapi mungkin tatakelola itu sudah sedemikian rupa. Jadi, soal SOP tadi– sikit bab tersebut, bagaimana supaya ada garis panduan yang lebih jelas dan kebertanggungjawaban itu memang ternyata.

Kalau berlaku musibah memang Pengarah dan kena saman. Lepas itu yang bertanggungjawab silap yang menjaga ICU itu berpuluh tahun berkhidmat di situ tetapi sebab hari yang malang dia bertugas dia dipersalahkan sedangkan SOP itu tidak jelas. Dia pun mungkin tidak pernah diajar dan sebagainya.

Jadi, sebab itu dalam isu melibatkan pelbagai agensi saya tidak hendak Kementerian Kesihatan menolak bebanan itu hanya– Okey, JKR punya masalah, KPKT punya masalah. Kalau Yang Berhormat Bandar Kuching sudah katakan banyak hospital yang tidak ada sijil ini nyatakan, terbuka, tidak apa. Biar rasa akauntabiliti kepada rakyat itu kita tahu supaya ada desakan dari luar. Bukan kita hendak salahkan kementerian malah *we want to protect our frontliners.*

Jadi, sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua. Bila kita lihat soal isu keselamatan ini, mungkin saya bukan berlatarbelakangkan *medical* tetapi saya rasa daripada segi pengguna ataupun rakyat biasa kita memang mengharapkan perkhidmatan yang terbaik. Kita tahu hospital menghadapi kesesakan, kita tahu hospital sekarang memang terpaksa menguruskan isu COVID-19 dengan lebih sangat banyak. Akan tetapi, pada masa yang sama jangan jadikan alasan kes kebakaran tahun 2016 enam orang meninggal dunia, tahun ini berlaku lagi terbakar, nasib baik tidak ada yang meninggal dunia.

Jadi, macam mana kementerian kalau saya tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri hari ini bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa tiada lagi kejadian kebakaran yang berlaku melainkan sesuatu yang di luar kawalan kita. Akan tetapi, kebanyakan bila disiasat masalah pendawaian, masalah tidak jaga *maintenance* dan sebagainya. Jadi, apa komitmen kementerian, komitmen Yang Berhormat Menteri untuk perkara ini tidak berulang.

Kedua kalau boleh hari ini nyatakan tindakan yang boleh diambil walaupun langkah kecil tetapi diambil. Tidak cukup hanya kita akan siasat dan sebagainya tetapi paling kurang komitmen sebab kita tahu ini melibatkan dana, ini melibatkan kerajaan *and we are here to actually support* Kementerian Kesihatan *to avoid these such cases keep repeating itself and* rakyat yang sebenarnya akan jadi mangsa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Ahli Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan ataupun timbalannya untuk menjawab.

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bandar Kuching dan disokong oleh Yang Berhormat Johor Bahru.

Pertama sekali saya ingin menjawab secara *general* dulu kisah-kisah yang telah berlaku terhadap perkara ini selepas itu kita boleh bincangkan kepada insiden seperti di Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang dalam usaha menyediakan laporan punca kebakaran bagi kes kebakaran di Klinik Kesihatan Jalan Masjid, Kuching kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Dimaklumkan juga anggaran kos kerosakan bangunan yang terlibat masih dalam siasatan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan bangunan kerajaan termasuk hospital adalah bangunan lama yang dibina sebelum akta berkaitan diwujudkan seperti Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan *Uniform Building By-Laws 1984*. Berdasarkan penemuan Audit Keselamatan Kebakaran yang dilaksanakan pada 2016 sebanyak 47 buah hospital dan institusi telah melebihi usia 50 tahun dan 32 buah lagi usia 30 tahun hingga 49 tahun. Manakala, keadaan aset hospital yang berusia lebih 10 tahun telah melebihi *50 percent.* Ini menunjukkan fasiliti kesihatan mempunyai bangunan dan aset lama serta berisiko tinggi daripada segi kebakaran.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga terutamanya dalam menghadapi risiko kebakaran di hospital-hospital KKM dan antaranya adalah melaksanakan Audit Keselamatan Kebakaran bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Juga kita melaksanakan pemeriksaan bangunan, pengujian sistem pemasangan elektrik dan sistem pencegah kebakaran secara berkala, y*early*. Kita juga melaksanakan aktiviti latihan kebakaran (*fire drill*) termasuk latihan penggunaan alat pencegahan kebakaran secara tahunan bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi.

Kita juga menjalankan kempen kesedaran secara berterusan bagi meningkatkan komitmen kakitangan terhadap keselamatan kebakaran dan kita juga merancang dan melaksanakan pembaikan dan naik taraf sistem seperti sistem kejuruteraan yang uzur bagi mengurangkan risiko kebakaran. Pihak kementerian juga sedang dalam melaksanakan inisiatif menaikkan sistem kebakaran bagi hospital-hospital yang berusia lebih 50 tahun. Inisiatif permulaan adalah dengan melaksanakan kerja-kerja awalan *building condition*

assessment (BCA) dan menyalurkan peruntukan melalui peruntukan khas bagi pematuhan notis bomba. Sebagai penambahbaikan pengurusan juga, Garis Panduan Pengurusan Stor Farmasi di hospital dan klinik kesihatan Malaysia dan Garis Panduan Pengauditan Keselamatan Kebakaran di fasiliti kesihatan KKM seperti *fire safety audit* (FSA) telah diedarkan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri. Adalah didapati terdapat risiko kebakaran di stor berhawa dingin yang beroperasi 24 jam.

Satu surat edaran panduan khas mencegah kebakaran juga telah diedarkan untuk mengurangkan risiko kebakaran stor KKM pada tahun 2018. Aktiviti FSA tadi telah dilaksanakan seperti jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kelancaran aktiviti ini agak terjejas susulan penularan wabak COVID-19 melanda negara pada masa kini. Bagi Hospital Sultanah Aminah di Johor saya ada mempunyai ringkasan jawapan untuk masalah terhadap hospital ini. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi, laporan yang dikatakan itu memang belum kita dapati disebabkan kes ini adalah kes di mahkamah. Oleh sebab itu ia belum dapat di*publicized*.

Akan tetapi langkah-langkah – banyak langkah yang telah kita ambil bukan untuk Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru sahaja, selepas audit yang diadakan kita sekarang ini yang ketara sedang dibangunkan atau sedang dinaiktarafkan adalah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dalam pelbagai isu menaikkan dan akan menelan kos sebanyak RM128 juta. *RM128.92 million*.

Saya difahamkan ia akan bermula dalam tidak lama lagi, mungkin bulan depan saya ingat. Ada satu lagi adalah dalam kes yang sama adalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor. Ia juga adalah daripada segi untuk menaik taraf sistem pendawaian elektrik, pencegahan kebakaran dan lain-lain dan melibatkan kos awal RM25.4 juta. Ia akan bermula 11 Oktober bulan ini.

Satu lagi adakah bangunan utama Hospital Tunku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan. Ini akan menelan belanja awal dalam RM91.5 juta dan kos tambahan sedang dalam pertimbangan akan menaik kepada RM158 juta. Ini menunggu kelulusan daripada MOF dan juga JKR mengikut nilai. Begitu juga daripada segi inisiatif baik pulih atau naik taraf 47 buah hospital lama KKM. Fasa 1 melibatkan kajian *Building Condition Assessment.* Ini juga telah diadakan dan pada fasa 1 ini 21 buah hospital akan di naik taraf dan fasa 2, 26 buah hospital juga akan di naik taraf dalam *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-12.

Begitulah dan seperti yang dikatakan tadi yang beberapa hospital yang telah diketahui tidak mempunyai sijil bomba. Saya ada *list* semua di sini, semua hospital ini. Saya boleh panjangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Hospital yang lebih 50 tahun kita ada 47 buah, yang perlu dinaiktarafkan dan juga hospital yang belum ada *fire certificate* daripada 76 buah fasiliti kesihatan sebanyak 32 buah fasiliti telah mempunyai *fire certificate* dan sebanyak 44

fasiliti sedang dalam proses mendapatkan *fire certificate. So,* ini adalah yang kita telah laksanakan sekarang ini. Bagi, *minor-minor repair* dan *maintenance* memang kita telah memberi ke setiap negeri dan pada tahun ini kita telah menghantar RM13.9 juta untuk *maintenance*.

Di Sarawak dua juta *especially for this* – untuk mematuhi Notis Bomba, Bomba *Compliance.* Okey, terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya tanya sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada hendak celahan? Ya, boleh, boleh.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya cuma hendak dapatkan komitmen daripada pihak kementerian tentang bantuan untuk Klinik Kesihatan Jalan Masjid. Seperti saya katakan tadi mereka perlukan satu kontena untuk *temporary medical storage.* Boleh kementerian memberikan komitmen sekarang iaitu akan *supply this* dalam masa dua minggu ini sebab mereka perlukan secepat mungkin. Bagi saya kosnya pun tidak begitu tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Aaron Ago Dagang: Ya. Bagi Klinik Kesihatan Jalan Masjid ini saya difahamkan walaupun farmasi stornya telah terbakar – bukan semua *only one part*, bahagian stor ubat tetapi yang lain pun disebabkan bomba. *So*, banyak bilik sekarang ini tidak boleh digunakan tetapi – walaupun begitu, *the main clinic* itu, pesakit luar dan untuk pesakit-pesakit kronik konsultasi masih sentiasa ada tetapi untuk mengambil ubat mereka pergi ke klinik yang berdekatan seperti Klinik Kesihatan Tanah Puteh, Klinik Kesihatan Petrajaya dan juga Klinik Kesihatan Batu Kawa yang berdekatan dengan Klinik Kesihatan Jalan Masjid.

Apa yang di *propose* oleh Yang Berhormat itu, *I take note* tetapi sekarang ini *I think we have still in a very early stage. So, we try to sort out as much as possible to make* ada *other clinics nearby to support the present clinic. Luckily, the present clinic* dia tidak terbakar jadi *the operation* masih dapat berjalan cuma bekalan ubat bagi mereka yang mendapat *daily* ataupun *appointment* dia disuruh pergi ke klinik-klinik kesihatan berdekatan. *Thank you.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tidak begitu dekat sangat. *[Ketawa]*

Datuk Aaron Ago Dagang: Okeylah, dalam Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih atas jawapan itu. Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya akhiri perbahasan ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.31 petang]